

Aku Budak Telok

Tempat jatuh lagi dikenang,inikan pula tempat tumpah darahku...berbagai pengalaman hidup, asam garam pahit manis kehidupan aku lalui di sini..Mana mungkin aku melupakanmu, Duhai kampungku, Telok Panglima Garang...kau tetap di hatiku

Jumaat, 2 Mei 2014

Asal Usul TPG 2: Siapa sebenarnya Panglima Garang?

Salam buat semua. Hari ini Jumaat 2 Mei 2014. Jam dekat tangan aku menunjukkan pukul 11:35 pagi. Ya, memang hari ini hari persekolahan . Sure korang tertanya-tanya kenapa aku tengah dok menaip cerita pasal Telok sedangkan sepatutnya aku di dalam kelas mengajar, bukan? Hahaha...memang ler tapi aku sekolah sesi petang. Pukul 2:20 petang nanti baru mula start mengajar. Jadi pagi ini, sementara ada masa menanti solat Jumaat nanti, aku layari internet. Cari cerita-cerita menarik tentang asal usul Telok. Ya, memang betul, aku dah tulis pasal hal itu dalam entri aku terdahulu, Yang belum baca sila rujuk kat [sini](#). Tapi yang itu aku ambil daripada blog lain yang mengatakan sejarah lisan tentang Telok. Aku ulang balik, Sejarah Lisan. Maknanya, cerita dari mulut ke mulut. Boleh diterima pakai tetapi tak boleh dijadikan sandaran hujah dalam tesis. Hmm...korang dah mula tertarik nampak! Aku dah agak dah...

Memang ada tertulis dalam sejarah Selangor tentang kehadiran orang-orang Aceh di Selangor. Kemungkinan mereka ini yang membuka Telok atau nama lamanya Nibong Dengkil (setelah menghalau Sakai-sakai yang ada di situ) itu benar seperti yang diceritakan. Cuma hendak 'highlight'kan kat sini, sebenarnya nama Panglima Garang itu memang wujud. Mungkin nama ini nama gelaran seseorang, tetapi kewujudannya memang ada kena mengena dengan pemerintahan Sultan Abdul Samad. Justeru, kemungkinan nama Telok Panglima Garang dimasyhurkan sempena nama panglima ini atas sebab membantu baginda Sultan menaiki takhta, ada kebenarannya. Begini ceritanya,,,

Ketika itu, Sultan Mohamad memerintah Selangor bersemayam di Kuala Selangor. Baginda amat risau dan mengesyaki kerabat sepupu baginda yang bernama Abdul Samad (kemudian bergelar sultan) ini merampas takhta kelak. Baginda memerintahkan hulubalang menangkapnya. Mendengar berita tentang arahan tersebut, apa lagi ditunggu, Raja Abdul Samad pun mlarikan diri ke Kajang. Ketika itu berlaku serangan Raja Berayun ke atas Sungai Ujong (kini Seremban) kerana menuntut bela atas kematian salah seorang sahabat beliau setelah Dato' Kelana Sendeng enggan membayar 'wang darah', mengikut adat Melayu masa itu. Namun serangan itu dapat dipatahkan. Raja Berayun berundur ke Reko di hulu sungai. Beliau mempelawa Raja Abdul Samad ini tinggal bersamanya dalam kubu mereka di Reko. Raja Berayun ini mempunyai dua orang panglima yang gagah berani serta kebal bergelar Panglima Garang, dan Panglima Si Gara, berserta 500 orang pendekar. Maka Raja Abdul Samad ketika itu berada dalam jaminan keselamatan Raja Berayun dan penglima-panglima serta tentera baginda. Tinggal lah baginda di situ buat beberapa ketika. Raja Berayun dan orang-orangnya hidup dengan 'merompak' dan menangkap sakai-sakai untuk dijual sebagai hamba. Maka nama Panglima Garang cukup digeruni oleh Sakai-sakai di kawasan pedalaman dan yang tinggal di sepanjang sungai Langat.

Apabila Sultan Muhammad mendapat berita tentang Raja Abdul Samad berada di Reko bersama Raja Berayun, baginda menghantar amaran kepada Raja Berayun agar tidak lagi melindungi anak raja itu. Raja Berayun memandang ringan sahaja amaran sultan itu. Namun orang-orangnya menasihati beliau agar berwaspada. Jadi, beliau memerintahkan pendekar-pendekarnya menumbangkan pokok-pokok di tebing kiri dan kanan sungai menuju Reko bagi menghalang kemaraan orang suruhan sultan dan jika perlu, bunuh kesemua mereka tanpa belas kasihan. Alhamdulillah. Tiada apa yang berlaku kerana mereka (tentera Sultan) pulang ke Kajang.

Ketika Sultan Muhammad dalam keadaan gering, Raja Berayun dan Raja Berkat Riau bersama Raja Abdul Samad berada di sisi baginda. Mereka melafazkan taat setia kepada Sultan,dan melantik Raja Abdul Samad sebagai Raja Muda. Pada 6 Januari 1857, Sultan Muhammad mangkat, dan dimakamkan di Bukit Malawati, Kuala Selangor. Namun sebaik sahaja Sultan Mohamad mangkat, Selepas kemangkatan tersebut, Tengku Panglima Besar Raja Abdul Samad dilantik, dan ditabalkan sebagai Sultan Selangor ke-4 pada tarikh tersebut. Raja Muda kini menjadi Sultan Selangor yang

Cari Blog Ini

Translate

Select Language

Powered by [Google Translate](#)

Cari Blog Ini

Mengenai Saya



[abah kau emak aku](#)

[Lihat profil lengkap saya](#)

Arkib Blog

- [2011 \(48\)](#)
- [2012 \(5\)](#)
- [2013 \(30\)](#)
- ▼ [2014 \(41\)](#)
 - [Januari \(3\)](#)
 - [April \(18\)](#)
 - ▼ [Mei \(3\)](#)

[Asal Usul TPG 2: Siapa sebenarnya Panglima Garang?](#)

[Sampan, Feri dan Jambatan: History of Langat River...](#)

[Kisah Harimau di Jugra dan Telok](#)

- [Jun \(3\)](#)
- [September \(1\)](#)
- [Oktober \(6\)](#)
- [November \(4\)](#)
- [Disember \(3\)](#)
- [2015 \(10\)](#)
- [2016 \(1\)](#)
- [2017 \(7\)](#)
- [2018 \(1\)](#)
- [2019 \(2\)](#)
- [2020 \(18\)](#)
- [2021 \(23\)](#)

baru. Tiada sesiapa dalam kalangan istana yang berani membantah, mungkin kerana kehadiran Panglima Garang bersama-sama Raja Berayun yang terkenal dan berkuasa kini. Sebagai membalas jasanya, Panglima Garang diberi 100 ekar tanah kurniaan Sultan di Batu Road (Kuala Lumpur) dan ditanami kelapa. Wallahu alam. Semoga roh-roh mereka ditempatkan Allah bersama orang-orang yang diredhaiNya.

Oklah. Itu kisahnya. Tapi bagaimana rupa paras Panglima Garang ini? Digambarkan beliau bertubuh sasa, tinggi, bermisai tebal yang 'menggerunkan', walaupun sudah berumur. Mungkinkah beliau orang yang bertanda dalam gambar di bawah ini? Mohon pengesahan pakar sejarah tempatan dan waris Panglima Garang.



makam Raja Berayun di Bukit Jugra

Sumber Rujukan:

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria*, PENGLIBATAN TUNKU PANGLIMA RAJA BERKAT DALAM POLITIK DAN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR PADA ABAD KE-19, http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/22947/147_175.PDF

Newspaper Article - WHEN COCKFIGHTING WAS THE RAGE

<http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/straitstimes19341111-1.2.121.aspx>

<http://www.keriswarisan.com/live/photo/713/sultan-selangor-sultan-abdul-samad-bersama-panglima-panglimanya-1890/>

Anda mungkin berminat membaca:

[Indeks Halaman Utama](#)



di Mei 02, 2014

33 ulasan:

Tanpa Nama 8 Mei 2014 pada 5:02 PTG

Salam,

Sebagai salah seorang anak Telok, saya bangga baca blog ni. Blog ni buat saya tersenyum terkenang sejarah zaman kecil dan persekolahan. Tahniah bro!

Balas

Tanpa Nama 28 Jun 2015 pada 9:32 PTG

alhamdulillah...saya bru thu kisah onyang saya Sultan Abdul Samad...tq...;)

► 2022 (64)

► 2023 (13)

Label

- 1867 (4)
- 1875 (4)
- 1890 (2)
- 1892 (2)
- 1895 (1)
- 1899 (1)
- 1900 (1)
- 1901 (2)
- 1909 (1)
- 1910 (1)
- 1913 (3)
- 1919 (1)
- 1920 (1)
- 1929 (1)
- 1930 (1)
- 1941 (1)
- 1942 (1)
- 1945 (2)
- 1948 (4)
- 1949 (1)
- 1950 (7)
- 1957 (1)
- 1959 (1)
- 1960 (12)
- 1969 (1)
- 1970 (11)
- 1979 (1)
- 1980 (4)
- 1989 (1)
- 1990 (1)
- 1996 (3)
- 2020 (2)
- ABC (1)
- administration (19)
- American (2)
- anti-malaria (4)
- Asli (7)
- banjir (3)
- Banting (70)
- Batu Laut (1)
- BELANDA (1)
- Berita Harian (3)
- BERKAT (1)
- besi (4)
- Bidan (3)
- bintang tiga (7)
- Black Magic (6)
- BOMOH (5)
- bridge (39)
- british (103)
- buat sendiri (1)
- buaya (1)
- budaya (3)
- BUNUH (1)
- childhood (19)
- Cina (2)

[Balas](#)**Unknown** 15 April 2016 pada 6:38 PTG

Kemungkinan besar Bukan Panglima Garang.Yang bertanda itu orang besar Pahang kerana ianya bersebelahan Sultan Pahang.t.kasih

[Balas](#)**abah kau emak aku** 16 April 2016 pada 9:19 PTG

salam en. shahir kamil, mohon penjelasan lanjut tentang foto tersebut dan kaitannya dgn sultan pahang

[Balas](#)**Unknown** 7 Julai 2016 pada 12:46 PTG

Mencari keluarga tok panuma garang..sila hubungi 0123231077

[Balas](#)**Unknown** 7 Julai 2016 pada 12:46 PTG

Mencari keluarga tok panuma garang..sila hubungi 0123231077

[Balas](#)**Unknown** 4 Ogos 2016 pada 1:11 PG

Maaf nk tanya .. Panglima garang asalnya org mana ?

[Balas](#)**Unknown** 4 Ogos 2016 pada 1:12 PG

Maaf nk tanya .. Panglima garang asalnya org mana ?

[Balas](#)**Unknown** 4 Ogos 2016 pada 1:12 PG

Maaf nk tanya .. Panglima garang asalnya org mana ?

[Balas](#)**x-man** 7 September 2016 pada 5:59 PTG

Panglima garang asal dari jawe,dia ade name penuh dia tapi tiada sape tahu, cuma nama panggilan panglima garang

[Balas](#)**Unknown** 1 Januari 2017 pada 10:32 PG

Panglima garang asal dr sulawesi..tu pasal bole akrab dgn sultan abd samad dan taat kpd raja berayun....satu galur...bugis

[Balas](#)[Balasan](#)**yem3ku** 14 Oktober 2022 pada 1:45 PG

Ulasan ini telah dialihkan keluar oleh pengarang.

abah kau emak aku 14 Oktober 2022 pada 8:25 PTG

0103433234

[Balas](#)**Unknown** 1 Januari 2017 pada 10:33 PG

- Civil War (3)
- cleaning (4)
- clinic (2)
- clipping (1)
- collaboration (3)
- Communist (15)
- contractor (4)
- cukai (4)
- D.O (1)
- DELI (1)
- dignity (5)
- drug (15)
- dysenteri (1)
- ekonomi (31)
- escaped (15)
- estate (17)
- estet (5)
- EXPO (1)
- ferry (3)
- FMS (16)
- gambut (3)
- gantung (1)
- gaol (15)
- guest house (3)
- halting bungalow (4)
- hanged (15)
- Harbour (1)
- harimau (2)
- hasil (1)
- Hill (1)
- Hindu (11)
- Homestay (1)
- hometown (13)
- hospital (5)
- hutan (1)
- immigrants (10)
- imperialism (13)
- india (1)
- INGGERIS (10)
- jail (16)
- jakun (16)
- japanese (7)
- jejantas (1)
- Jenderam (1)
- jepun (6)
- jimat (3)
- JIN (5)
- Jugra (45)
- kampung (8)
- Kelanang (1)
- kemalangan (3)
- kemandol (1)
- kemandol pulau carey (8)
- keratan akbar (18)
- KHADAM (5)
- KHIDMAT (5)
- KHURAFAT (5)
- kilang (1)
- KL (5)
- Klang (41)



Panglima garang asal dr sulawesi..tu pasal bole akrab dgn sultan abd samad dan taat kpd raja berayun....satu galur...bugis

Balas



Saufy Jauhary 17 Januari 2017 pada 12:53 PTG

"Difahamkan datuk menggunakan nama yang berbeza di tempat-tempat lain kerana tidak mahu dikesan jejaknya atau diketahui kedudukannya. Ibu ada memberitahu bahawa faktor kedatangan datuk ke sini disebabkan pertelingkahan yang berlaku dalam kalangan adik beradik yang berebut kuasa di tanah asal di Sulawesi. - See more at: <http://m.utusan.com.my/rencana/siapa-panglima-garang-1.194669#sthash.WAXFFI8V.dpuf>

Balas



Unknown 10 Jun 2017 pada 11:36 PG

Asalamulaikum..hamba brketurunan laksamana tuah dari susur keturunan anaknya iatu panglima tok tepok,pnglima tok tepok mnurunkan waris bernama datuk panglima garang asal dari melaka...bergerak ke hulu perak dan mnetap di sana x tahu sebab apa..jdi saya ingin tahu siapa yang boleh horaikan lebih mndalam tentang panglima garang ini.hamba tahu info ni kerana moyang hmaba sebelah bapa yang mnceritakan pada bapa hamba dan juga terdapat catitanya dalm buku lamanya...saya juga diturunkan keris pendua hulubalang 3 lok yang dikatakan pusaka datuk panglima garang...wallahhuallam...

Balas

Balasan

Tanpa Nama 14 September 2022 pada 12:18 PTG

Betul ka? sebab Wafat Datuk saya pula setelah d perkenankan sultan omar ali saifudin (sultan brunei dan jg ayahanda kpd sultan bolkiah) berikutkan makluman Wafat Datuk saya secara lisan di depan sultan pada masa itu berkenaan usulan atau susur galur keturunan drpd sultan Tandzul Alam, Wafat Datuk saya d beri satu set pakaian istana dan sebilah keris yg berukir nama pada sarung dia iaiaitu DATO PANGLIMA GARANG

Balas



Unknown 10 Jun 2017 pada 11:40 PG

Asalamulaikum..hamba brketurunan laksamana tuah dari susur keturunan anaknya iatu panglima tok tepok,pnglima tok tepok mnurunkan waris bernama datuk panglima garang asal dari melaka...bergerak ke hulu perak dan mnetap di sana x tahu sebab apa..jdi saya ingin tahu siapa yang boleh horaikan lebih mndalam tentang panglima garang ini.hamba tahu info ni kerana moyang hmaba sebelah bapa yang mnceritakan pada bapa hamba dan juga terdapat catitanya dalm buku lamanya...saya juga diturunkan keris pendua hulubalang 3 lok yang dikatakan pusaka datuk panglima garang...wallahhuallam...

Balas

Balasan



Kambing 7 April 2018 pada 10:39 PTG

Adakah cucu cicit nye masih hidup...siapakah dye

Balas

Balasan



Unknown 17 Oktober 2020 pada 2:10 PTG

Anak cucu cicit masih hidup. Saya antara generasi ke-6

Balas



Hafiz 9 November 2018 pada 6:47 PG

Sy cucu cicit panglima garang call 0102727265

Balas

Balasan



Mat ghani 10 Jun 2019 pada 10:41 PTG

Dimana makam panglima garang?

Balas

- [Kling](#) (13)
- [Klinik](#) (5)
- [komunis](#) (12)
- [kontraktor](#) (6)
- [Kuala Langat](#) (73)
- [kuarters](#) (1)
- [kubur](#) (6)
- [Langat](#) (4)
- [lanun](#) (3)
- [lesen](#) (3)
- [Light house](#) (1)
- [longkang](#) (2)
- [LRT](#) (1)
- [mah meri](#) (25)
- [malaria](#) (1)
- [Malay vernacular school](#) (2)
- [Malaya](#) (47)
- [Malaysia](#) (15)
- [mamak](#) (1)
- [map](#) (1)
- [market](#) (4)
- [masjid](#) (6)
- [mat saleh](#) (7)
- [Melayu](#) (2)
- [merdeka](#) (2)
- [Metropolitan](#) (1)
- [MISTERI](#) (5)
- [MISTIK](#) (5)
- [Morib](#) (8)
- [mosque](#) (6)
- [muslim](#) (7)
- [muzium](#) (11)
- [Negro](#) (2)
- [newspaper](#) (1)
- [newspaper clipping](#) (14)
- [nipah](#) (2)
- [Nurse](#) (3)
- [PANGLIMA](#) (1)
- [pardoned](#) (15)
- [pasar](#) (1)
- [pasar borong](#) (1)
- [PAWANG](#) (5)
- [pejabat daerah](#) (1)
- [pelancongan](#) (23)
- [PEMBANGUNAN](#) (5)
- [pencen](#) (3)
- [pencerobohan](#) (1)
- [pendapatan](#) (4)
- [pendidikan](#) (2)
- [Penghulu](#) (1)
- [PENTERNAKAN](#) (1)
- [penyakit](#) (1)
- [PERANG](#) (1)
- [PERIKANAN](#) (4)
- [Permatang Pasir](#) (5)
- [PERTANIAN](#) (2)
- [peta](#) (1)
- [plan](#) (4)
- [platoon](#) (1)
- [police](#) (3)

[Balasan](#)**Unknown** 5 Disember 2019 pada 12:11 PG

Di telok

[Balas](#)**abah kau emak aku** 5 Disember 2019 pada 10:04 PG

salam...saya penulis blog Aku Budak Telok amat berminat dgn penulisan anda dalam fb ini tentang Panglima Garang yang pernah berkhidmat di bawah Almarhum Sultan Abdul Samad kena pembukaan kampung kami bersempena nama pendekar terkenal tersebut...Mohon pihak tuan membaca blog saya di bawah entri siapa sebenarnya panglima garang kerana terlalu banyak versi dan claim ttg latar belakang beliau..sumber penulisan saya adalah daripada akhbar milik british dahulu dan sedikit sebanyak penulisan umum di internet..saya bersikap open minded, dan berminat untuk mendapatkan fakta ttg panglima garang serta keluarganya selepas 'bersara' dari istana.. t.kasih

[Balas](#)**Raja Ahmad Hanif** 6 Julai 2021 pada 2:21 PG

Assalamualaikum..

[Balas](#)**jojo** 27 Ogos 2021 pada 8:27 PTG

keluarga saya ada simpan cop mohor datuk seri setia panglima garang, asalnya dari pulau tawar jerantut pahang sekampung dengan mat kilau, rumah kami di pulau tawar dah berusia lebih 200 tahun mada banyak lagi barang2 tinggalan pusaka tapi ada yang dah bertukar tangan. nak tahu lebih lanjut boleh hubungi saya 0192021075.

[Balas](#)**Unknown** 5 April 2022 pada 1:03 PG

tu gambar tok gajah la

[Balas](#)**yem3ku** 27 September 2022 pada 7:29 PTG

Ulasan ini telah dialihkan keluar oleh pengarang.

[Balas](#)[Balasan](#)**yem3ku** 27 September 2022 pada 7:39 PTG

Ulasan ini telah dialihkan keluar oleh pengarang.

Tanpa Nama 28 September 2022 pada 3:10 PTG

bagi number telefon, saya berminat dan ada benda penting nak bincang dengan tuan...

**yem3ku** 13 Oktober 2022 pada 4:06 PTG

Ulasan ini telah dialihkan keluar oleh pengarang.

**yem3ku** 14 Oktober 2022 pada 1:51 PG

Ulasan ini telah dialihkan keluar oleh pengarang.

Tanpa Nama 16 Oktober 2022 pada 12:15 PG

Tokngah, boleh wassap saya di number ini ya : 013-562 6109

[Balas](#)

- [polis](#) (3)
- [post office](#) (4)
- [POW](#) (15)
- [prison](#) (16)
- [property](#) (2)
- [Protectorate](#) (1)
- [Pudu](#) (15)
- [pulau carey](#) (17)
- [putus](#) (1)
- [quran](#) (2)
- [Radicals](#) (15)
- [Radio](#) (3)
- [RAJA](#) (1)
- [rendah](#) (2)
- [rimau](#) (1)
- [river](#) (35)
- [road](#) (4)
- [rojak](#) (1)
- [rumah](#) (1)
- [Rumah api](#) (1)
- [rumah kampung](#) (3)
- [sakai](#) (26)
- [school days](#) (9)
- [sekolah](#) (2)
- [Selangor](#) (70)
- [senibina](#) (1)
- [Sepang](#) (7)
- [seremban](#) (6)
- [setem](#) (4)
- [shophouses](#) (4)
- [Sijangkang](#) (3)
- [staff](#) (4)
- [Strait Times](#) (5)
- [Sultan](#) (24)
- [sungai](#) (2)
- [surau](#) (5)
- [SYIRIK](#) (5)
- [Taman Dato' Hormat](#) (1)
- [Tamil](#) (6)
- [tanah](#) (3)
- [tanjong sepat](#) (1)
- [taun](#) (1)
- [televisyen](#) (1)
- [Telok](#) (50)
- [Telok Datok](#) (14)
- [Telok Forest Reserve](#) (3)
- [telok gonjeng](#) (18)
- [Telok Mengkuang](#) (3)
- [Telok. rumah](#) (7)
- [tempe](#) (1)
- [temple](#) (4)
- [temuan](#) (15)
- [tender](#) (4)
- [terbakar](#) (1)
- [teres](#) (1)
- [tiger](#) (1)
- [Tit](#) (1)
- [TPG](#) (66)
- [tradisional](#) (1)
- [Tragic Deaths](#) (1)